

22/01/2003

PM dedah resipi kejayaan Malaysia

Mior Kamarul Shahid

BEIRUT (Lubnan): Malaysia melakukan 1001 perkara untuk memacu kemajuan di samping meningkatkan keyakinan rakyat dalam menghadapi cabaran hidup di sebuah negara perindustrian baru.

Menggariskan resipi kejayaan Malaysia sewaktu berucap pada majlis jamuan

tengah hari dihadiri ahli Parlimen dan tokoh perniagaan di sini, semalam,

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Kita boleh melakukan apa saja jika kita mahu melakukannya dan bersedia untuk belajar."

Perdana Menteri Lubnan, Rafic Hariri turut hadir.

Katanya, rakyat Malaysia digalakkan melakukan sesuatu yang tidak pernah mereka mimpikan sebelum ini.

Dr Mahathir berkata, Lubnan yang kini dalam proses membangunkan semula negaranya, mempunyai persamaan dengan Malaysia dari segi sejarah perdagangan antarabangsa.

Rakyat Lubnan mempunyai kepakaran perdagangan manakala Malaysia kedudukan strategik di Asia. Kesan daripada kegiatan perdagangan antarabangsa, kedua-duanya mempunyai penduduk yang berbeza etnik dan agama.

Sebagaimana Lubnan menghadapi perang saudara, Malaysia juga menghadapi rusuhan kaum pada 1969 yang menyebabkan dunia tidak yakin terhadap keamanan dan keharmonian yang akan dicapai di Malaysia.

Bagaimanapun, pemimpin daripada pelbagai kaum bersatu padu dan membuat keputusan untuk menghindari konflik kaum, berpunca daripada ketidakseimbangan ekonomi mengikut kaum.

Lubnan yang mempunyai penduduk berbeza kepercayaan dan agama - turut menghadapi masalah yang sama.

Perdana Menteri menjelaskan, setiap kaum mesti diberi peluang merebut kekayaan secara adil, bukan dengan cara mengambil daripada yang kaya dan diberikan kepada yang miskin.

Dr Mahathir berkata keamanan dan kestabilan amat diperlukan.

Sebagai sebuah negara perindustrian, Malaysia menjemput industri pembuatan asing untuk merebut peluang perniagaan yang antara lain membuka

peluang pekerjaan kepada rakyat.

Menyifatkannya resipi Malaysia sebagai satu kejayaan, Dr Mahathir berkata hari ini 82 peratus daripada eksport negara berjumlah hampir RM380

bilion (AS\$100 bilion) setahun adalah daripada barang pembuatan.

Walaupun pada peringkat awal barang berkenaan dikeluarkan oleh syarikat

milik asing, hari ini sebahagian besarnya diusahakan dan diurus oleh rakyat Malaysia.

Dalam proses pembangunan semula Lubnan, kerajaan negara itu mula menerima kemasukan peniaga asing termasuk dari sektor swasta Malaysia.

Selain sektor perindustrian yang banyak membuka ruang dari segi

peningkatan pendapatan dan menyediakan kelengkapan prasarana moden, ia juga meningkatkan kemajuan teknologi bagi industri baru.

Melihat kepada bahan komposit menjadi bahan masa depan, Malaysia melabur dalam industri berkenaan seperti mewujudkan komponen pesawat udara oleh syarikat Malaysia. Begitu juga dengan industri teknologi maklumat (IT).

Dr Mahathir menjelaskan, Malaysia bercita-cita menjadi sebuah negara yang benar-benar bebas namun kejayaan Malaysia tersekat ketika menghadapi krisis kewangan.

Dalam menghadapi krisis, Malaysia tidak meminjam daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang boleh memusnahkan negara. Cara IMF adalah tiket ke arah kemusnahan.

Pagi ini Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali melawat projek pembangunan semula di sekitar Beirut. Mereka diberi taklimat di pejabat Solidere, pusat bandar bandar yang mengendalikan projek pembangunan semula ibu kota Lubnan itu.

Mereka kemudian melawat kawasan marina di tepi laut di pinggir Beirut. Dr Mahathir kemudian mengunjungi Presiden Dewan Perhimpunan Negara, Nabih Berry di bangunan Parlimen.

Pada sebelah petang, beliau menghadiri dialog dengan Majlis Perniagaan Islam (IBC) sebelum berlepas ke Kaherah.